

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN CHANG LIH KANG**  
**[TANJONG MALIM]**  
**TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Chang Lih Kang [ Tanjong Malim ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah cukai CITA, PITA dan cukai individu yang telah dikutip dari Januari 2021 sehingga kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh separuh pertama tahun 2021, jumlah kutipan cukai pendapatan yang merangkumi terutamanya dari syarikat, individu dan petroleum adalah sebanyak 54.4 bilion ringgit. Ini merupakan peningkatan sebanyak 24.2% berbanding tempoh yang sama pada tahun yang lepas.

2. Namun, angka kutipan cukai berdasarkan komponen cukai berkenaan hanya dapat dikongsi setelah maklumat kutipan cukai tersebut diselaras dan dibentang dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2021 di Parlimen pada tahun hadapan kelak.

Sekian, terima kasih.